

BAB 13 - PENYIAPAN KERJA, PENYERAHAN KERJA DAN KECACATAN

13.1 Pendahuluan

- 13.1.1 Satu Perakuan Siap Kerja akan dikeluarkan apabila Kerja telah siap menurut peruntukan kontrak. Kerja yang telah disiapkan akan diserahkan oleh Kontraktor kepada JKR yang seterusnya akan menyerahkannya kepada pihak Jabatan/Kementerian Pelanggan.
- 13.1.2 Pengeluaran Perakuan Siap Kerja menandakan permulaan Tempoh Tanggungan Kecacatan. Tempoh Tanggungan Kecacatan hendaklah selama dua belas bulan (12) dari tarikh kerja diperakukan siap. Sebarang kecacatan yang timbul dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan perlu diperbaiki oleh Kontraktor dengan kosnya sendiri. Apabila semua kecacatan telah diperbaiki satu Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan akan dikeluarkan.

13.2 Penyiapan Kerja yang Praktikal

- 13.2.1 Sekiranya kontraktor berpendapat kerjanya telah disiapkan dengan sempurna, kontraktor perlu mengemukakan notis secara bertulis kepada Pegawai Penguasa (P.P.).
- 13.2.2 Dalam tempoh 14 hari daripada penerimaan notis bertulis daripada kontraktor, Pegawai Penguasa hendaklah menjalankan satu pemeriksaan bersama dengan pihak Kontraktor. P.P. juga hendaklah berpuas hati bahawa kesemua ujian dan pentaulahan telah dijalankan dan telah lulus menurut peruntukan kontrak. Apabila Kerja telah disiapkan ke satu tahap yang memenuhi kriteria sebagaimana yang ditentukan di dalam Perenggan 13.2.3, maka Perakuan Siap Kerja (rujuk Lampiran 13A) bolehlah dikeluarkan oleh P.P.. Jika kriteria sebagaimana yang ditentukan di dalam perenggan 13.2.3 tidak dipenuhi, kerja yang tidak sempurna atau kerja yang cacat hendaklah dikenalpasti, dan disenaraikan dan diserahkan kepada Kontraktor untuk tindakannya. Proses ini hendaklah diulangi sehingga kriteria sebagaimana yang ditentukan di perenggan 13.2.3 dipenuhi sebelum Perakuan Siap Kerja dikeluarkan.